



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK,
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,
JALAN SIMPANG TIGA,
93592 KUCHING.

Telefon : 082-421333 (Pejabat Am)
Fax : 082-424489
E-mail : pms@pmswk.gov.my

Ruj. Kami : PKP(S) 124-1/20/2 (4)

Tarikh : 7 Januari 2008

**Pengarah Pelajaran Negeri,
SARAWAK**

**Semua Pegawai Pelajaran Gabungan Bahagian,
SARAWAK**

**Semua Pegawai Pelajaran Daerah Kecil,
SARAWAK**

**Pengarah,
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS),
SARAWAK**

**Pengarah Perpaduan,
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional,
SARAWAK**

Tuan,

**SURAT PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN MALAYSIA
SARAWAK BILANGAN 3 TAHUN 2008**

Kontrak Pusat Bagi Membuat, Membekal Dan Menghantar Makanan Siap Dimasak Dalam Kantung (Pouch) Bagi Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) Ke Sekolah-Sekolah Rendah (Kategori 'A', 'B' & 'C') Dan Tadika/Pra Sekolah Seluruh Sarawak

1. PERIHAL

1.1 Adalah dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sarawak telah bersetuju untuk mewujudkan kontrak bagi Membuat, Membekal dan Menghantar Makanan Siap Dimasak Dalam Kantung bagi Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) Ke Sekolah-Sekolah Rendah (Kategori 'A', 'B' & 'C') Dan Tadika/Pra Sekolah Seluruh Sarawak sebagai makanan **alternatif** kepada kontrak makanan sedia ada dengan Syarikat Ika Food Industries Sdn. Bhd.

2. NOMBOR KONTRAK DAN BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

- 2.1 Nombor Kontrak : PMS/124/KONT/2008-01
- Nama Kontraktor : Ika Food Industries Sdn. Bhd.,
Dan Alamat : Lot 921, Blok 7,
Demak Laut Industrial Park,
Off Jalan Bako,
93000 KUCHING
- No. Telefon : 082-433219
- No. Fax : 082-439939
- Nama dan : Public Bank Berhad,
Alamat Bank : Padungan Branch,
No. 7, 8 & 9, Jalan Chan Bee Kiew,
Off Jalan Padungan,
93100 KUCHING
- No. Akaun Bank : 3133795318

3. TEMPOH KONTRAK

3.1 Tempoh kontrak ialah selama dua (2) tahun berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008 sehingga 31 Disember 2009.

4. MENU

4.1 Senarai menu yang ditawarkan adalah seperti di **Lampiran A.**

5. HARGA

Harga bagi kontrak ini mengikut Bahagian/Kawasan adalah seperti di **Lampiran B.**

6. TEMPOH PENYERAHAN

6.1 Tempoh penyerahan ialah 3 minggu dari tarikh pesanan rasmi dikeluarkan.

6.2 Jabatan Kerajaan dibenarkan membuat pindaan kepada tempoh penyerahan ini kepada suatu tempoh yang lain tertakluk kepada syarat Jabatan berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pesanan yang dibuat di bawah peruntukan ini.

6.3 Barang-barang yang diserahkan oleh kontraktor pada masa dan tarikh yang ditetapkan di dalam Borang Pesanan tidak boleh ditolak tanpa arahan secara bertulis daripada pegawai yang membuat pesanan. Jika penolakan dibuat secara '*ad hoc*' tanpa memberitahu terlebih dahulu kepada kontraktor, tindakan boleh diambil terhadap pegawai berkenaan termasuk menanggung segala tuntutan gantirugi oleh kontraktor berhubung dengan perkara ini. Sebarang penangguhan atau pindaan kepada tarikh penyerahan hendaklah dibuat secara bertulis dan sesalinan notis tersebut dihantar kepada PMS dan Unit yang membuat bayaran di Jabatan-Jabatan berkenaan.

7. PEMBUNGKUSAN

7.1 Semua barang yang dipesan akan dibungkus dengan sempurna bagi melindungi daripada sebarang kerosakan atau kehilangan. Jika terdapat apa-apa kerosakan atau kehilangan yang disebabkan oleh pembungkusan yang tidak sempurna, kontraktor hendaklah diminta mengganti dengan bekalan baru dalam tempoh empat belas (14) hari tanpa apa-apa tambahan kos.

8. PEMERIKSAAN

8.1 Jabatan pemesan hendaklah memeriksa bekalan yang diterima untuk memastikan bahawa jenis dan jumlah barang yang dibekalkan itu sama seperti yang dipesan. Jika didapati kekurangan, kontraktor hendaklah diminta segera mengganti jumlah yang kurang itu tanpa apa-apa tambahan kos.

8.2 Semua barang yang dibekalkan mestilah berada di dalam keadaan baik. Barang yang didapati rosak atau cacat semasa penerimaan hendaklah ditolak dan kontraktor diminta mengganti dengan bekalan baru tanpa apa-apa tambahan kos. Penolakan ini hendaklah dibuat serta merta dan secara bertulis dan disalinkan kepada PMS.

9. KAWALAN KUALITI

9.1 Jika ada apa-apa keraguan tentang kualiti barang disebabkan kerosakan pembungkusan, Jabatan pemesan hendaklah meminta kontraktor menggantikan barang yang diragui kuantitinya dengan bekalan baru tanpa apa-apa kos tambahan. Penolakan hendaklah dibuat secara bertulis dengan salinan kepada pegawai Kewangan Persekutuan, PMS pada hari penolakan itu dibuat. Kontraktor mestilah menggantikan barang tersebut dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pemberitahuan dikeluarkan.

10. PEMBAYARAN BIL

10.1 Pembayaran terhadap bil-bil yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah dibuat mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Akauntan Negara Malaysia.

10.2 Pembayaran hendaklah dibuat terus kepada kontraktor.

10.3 Bagi pesanan yang telah disempurnakan oleh kontraktor dengan memuaskan, bil mengenainya hendaklah dijelaskan dalam tempoh empat belas (14 hari) dari tarikh bil itu diterima.

10.4 Walau apapun peraturan atau tatacara penerimaan barang-barang yang diamalkan oleh sesuatu Jabatan, pengesahan penerimaan barang-barang mestilah dibuat dengan segera pada hari bekalan disempurnakan untuk membolehkan kontraktor mengemukakan bil pembayaran dengan seberapa segera. Jabatan tidak perlu menunggu laporan ujian Jabatan penguji untuk membuat bayaran.

11. PENYATA PESANAN

11.1 Penyata Pesanan yang telah dibuat oleh Jabatan dalam tempoh kontrak ini hendaklah dikemukakan oleh Kontraktor ke Perbendaharaan Malaysia Sarawak pada setiap tiga (3) bulan seperti berikut :-

Bulan	Tarikh Hantar Penyata
(a) Januari)	
Februari)	15 April
Mac)	
(b) April)	
Mei)	15 Julai
Jun)	

- | | | | |
|-----|-----------|---|------------|
| (c) | Julai |) | |
| | Ogos |) | 15 Oktober |
| | September |) | |
| (d) | Oktober |) | |
| | November |) | 15 Januari |
| | Disember |) | |

12. PENGADUAN

12.1 Jabatan pengguna hendaklah mengemukakan apa-apa aduan mengenai kontrak ini dengan serta-merta dan tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas tarikh tamat kontrak. PMS tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa masalah yang berbangkit akibat dari kegagalan Jabatan mematuhi arahan ini.

13. TANGGUNG JAWAB JABATAN PENGGUNA / KONTRAKTOR

13.1 Jabatan pengguna hendaklah memastikan sepenuhnya kepentingan kerajaan terjamin dan memastikan sebarang arahan yang terkandung dalam surat pekeliling kontrak ini dipatuhi oleh jabatan dan kontraktor.

14. HAL-HAL LAIN

14.1 Jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai kontrak ini, Jabatan Pengguna dinasihatkan menghubungi Perbendaharaan Malaysia Sarawak seperti alamat di atas atau melalui telefon no. 082-421333.

- (i) Puan Bayah Ak Chua
Sambungan – 250
- (ii) Unit Perolehan
Sambungan – 260

“Sentiasa Mesra, Teliti Dan Cepat”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ABD. WAHID BIN AHMAD)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Perbendaharaan Malaysia Sarawak

s.k. ;

Jabatan Akauntan Negara, Kuching
Jabatan Akauntan Negara, Sri Aman
Jabatan Akauntan Negara, Sarikei
Jabatan Akauntan Negara, Kapit
Jabatan Akauntan Negara, Limbang
Jabatan Akauntan Negara, Bintulu
Jabatan Akauntan Negara, Miri
Jabatan Akauntan Negara, Sibul

Jabatan Audit Negara, Kuching

SENARAI MENU YANG DITAWARKAN

1. Ayam Masak Kari
2. Ayam Masak Kurma
3. Ayam Masak Merah
4. Ayam Masak Rendang
5. Bubur (Ayam/Daging/Lambuk/Ikan Bilis)
6. Bubur Cha-Cha
7. Bubur Gandum
8. Bubur Jagung
9. Bubur Kacang (Merah/Hijau/Barley)
10. Bubur Oat
11. Bubur Oat Gandum
12. Bubur Pulut Hitam
13. Daging Masak Kari
14. Daging Masak Kurma
15. Mi/Bihun Goreng (Ayam/Daging)
16. Mi/Bihun Goreng Melaka (Ayam/Daging)
17. Mi/Bihun Goreng Thai (Ayam/Daging)
18. Nasi & Ayam (Kari/Rendang/Masak Merah)
19. Nasi & Daging (Kari/Rendang/Masak Merah/Kurma/Kicap/Lada)
20. Nasi Briyani (Daging/Ayam)
21. Nasi Goreng
22. Nasi Lemak
23. Nasi Minyak
24. Nasi Tomato
25. Nasi With Yam (Daging/Ayam)
26. Spaghetti (Ayam/Daging)

LAMPIRAN B**HARGA KONTRAK MEMBUAT, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
MAKANAN DALAM KANTUNG (POUCH)**

BIL	KAWASAN	KATEGORI SEKOLAH	HARGA (RM) (1 KILOGRAM MAKANAN KANTUNG UNTUK 7 ORANG)
1.	KUCHING	A	14.60
		B	14.60
		C	14.60
2.	KOTA SAMARAHAN	A	14.90
		B	14.90
		C	14.90
3.	SRI AMAN	A	15.20
		B	15.20
		C	15.20
4.	BETONG	A	15.50
		B	15.50
		C	15.50
5.	SARIKEI	A	15.80
		B	15.80
		C	15.80
6.	SIBU/KANOWIT	A	16.10
		B	16.10
		C	16.10
7.	MUKAH/DALAT/MATU/DARO	A	16.40
		B	16.40
		C	16.40
8.	KAPIT/SONG/BELAGA	A	16.70
		B	16.70
		C	16.70
9.	BINTULU/TATAU	A	16.80
		B	16.80
		C	16.80
10.	MIRI/MARUDI	A	17.00
		B	17.00
		C	17.00
11.	LIMBANG/LAWAS	A	17.30
		B	17.30
		C	17.30

BIL	KAWASAN	KATEGORI SEKOLAH	HARGA (RM) (1 KILOGRAM MAKANAN KANTUNG UNTUK 7 ORANG)
12.	BARIO – SK Long Seridan/SK Long Lamei/SK Long Lait/SK Long Banga/SK Long Lellang/ SK Pa' Dalleh/SK Bekalahan/SK Long Semadoh/SK Long Sukang	A	19.00
		B	19.00
		C	19.00